



DASAR PEMBANGUNAN LUAR BANDAR



RINGKASAN EKSEKUTIF



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

DASAR PEMBANGUNAN LUAR BANDAR



LUAR BANDAR SEJAHTERA

WAWASAN LUAR BANDAR SEJAHTERA

Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB) telah merumuskan wawasan “Luar Bandar Yang Sejahtera, Inklusif, Mampan dan Holistik” sebagai agenda utama dalam proses pembangunan luar bandar di Malaysia menjelang tahun 2030. Wawasan luar bandar sejahtera menggambarkan hasrat Kerajaan untuk memastikan masyarakat luar bandar mempunyai akses kepada infrastruktur dan kemudahan sosial yang setanding dengan kawasan bandar. Kawasan luar bandar disasarkan akan menawarkan peluang pekerjaan dan perniagaan yang dapat meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar.

Mereka yang tinggal di luar bandar juga akan menikmati peluang yang luas untuk membina keupayaan modal insan, kehidupan yang sihat dan selamat serta menerima perkhidmatan dalam tadbir urus yang mudah sebagaimana masyarakat di bandar.

Melalui DPLB ini, Kerajaan mempunyai komitmen yang tinggi untuk merapatkan dan seterusnya menghapuskan jurang kualiti hidup antara bandar dan luar bandar, mewujudkan peluang-peluang ekonomi dan mewujudkan suasana sosial serta persekitaran yang kondusif bagi menarik penduduk di luar bandar khususnya golongan belia untuk terus tinggal di luar bandar.


Selain itu, Kerajaan berhasrat untuk menarik sebahagian penduduk dan pelabur di bandar untuk berhijrah ke luar bandar bagi meningkatkan jumlah penduduk produktif dan keupayaan ekonomi di luar bandar. Luar bandar juga akan menjadi destinasi penting percutian dan pelancongan dari dalam dan luar negara bagi menikmati keindahan alam, warisan budaya dan keseronokan tinggal di luar bandar.

Wawasan untuk “Luar Bandar Yang Sejahtera, Inklusif, Mampan dan Holistik” ini diperhalusi lagi dalam 10 teras seperti berikut:

1. Ekonomi berdaya saing dan mampan.
2. Keusahawanan pemacu pembangunan ekonomi.
3. Modal insan berkualiti.
4. Prasarana lengkap dan canggih.
5. Keunggulan generasi belia luar bandar.
6. Wanita luar bandar yang progresif.
7. Kehidupan luar bandar yang sejahtera.
8. Sistem penyampaian dan tadbir urus berkesan.
9. Biodiversiti dan alam sekitar mampan.
10. Perumahan, pembangunan wilayah dan penempatan desa bersepadu.

Pelaksanaan pembangunan berteraskan halatuju DPLB ini akhirnya akan mencapai misi umum iaitu “Meneraju Pembangunan Luar Bandar”.

VISI, MISI DAN ASPIRASI TERAS DPLB



Visi DPLB adalah **“Luar Bandar Sejahtera”**, iaitu melahirkan masyarakat luar bandar yang sejahtera dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk sosial, ekonomi, budaya dan persekitaran. Selain itu, nikmat pembangunan akan dikongsi bersama tanpa mengira latar belakang bangsa, agama, status sosial, gender dan umur. Visi “Luar Bandar Sejahtera” juga menyasarkan pembangunan mampan yang akan memastikan pembangunan berimbang dan saling melengkapi antara aspek sosial, ekonomi dan alam semulajadi. Hal ini seterusnya dapat mencapai misi DPLB untuk **Meneraju Pembangunan Luar Bandar**. Pelaksanaan DPLB ini disokong oleh **10 Teras** pembangunan luar bandar yang akan memandu dasar dan strategi ke arah mencapai visinya.

• VISI

LUAR BANDAR SEJAHTERA


• MISI

MENERAJU PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

mbangunan



ASPIRASI TERAS



预览已结束，完整报告链接和二维码如下：

https://www.yunbaogao.cn/report/index/report?reportId=12_13

